

**Maybank Muktamadkan Kemudahan Pinjaman US\$330.6 Juta Untuk Bajradaya Sentranusa
Bernama
30 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Kumpulan Maybank memuktamadkan Kemudahan Bersindiket US\$330.6 juta untuk PT Bajradaya Sentranusa (BDSN).

Kemudahan 10 tahun itu dibahagikan kepada dua bahagian mata wang konvensional sebanyak US\$187.5 juta dan 400 bilion rupiah Indonesia selain US\$100 juta dalam bahagian Islam.

Keuntungan akan digunakan untuk mengambil alih keseluruhan pinjaman projek sedia ada untuk pembinaan Loji Tenaga Elektrik Hidro 2x90 megawatt (MW) Asahan 1 (Asahan 1 Hydroplant) di Sumatra Utara, Indonesia.

PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII), Maybank Investment Bank Bhd dan PT Bank Maybank Syariah Indonesia (MSI) merupakan pengatur utama bersama dan pengurus manakala BII, Maybank Islamic Bhd dan MSI merupakan penaja jamin bersama transaksi itu.

PT Bank Bukopin Tbk dan Lembaga Pembiayaan Ekspor Indonesia (Indonesia Eximbank) juga merupakan pembiaya yang terlibat dalam transaksi ini.

Abdul Farid Alias, Timbalan Presiden dan Ketua Perbankan Borong Global Maybank, menyifatkan penyelesaian pinjaman itu sebagai kejayaan penting dalam mengekalkan rekod baik kumpulan berkenaan dalam aktiviti mengumpul dana serantau.

"Transaksi ini menandakan penerusan platform Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa (ICBU), yang merupakan inisiatif menerusi Pusat Kewangan Antarabangsa Malaysia (MIFC) oleh Kerajaan Malaysia.

"Berdasarkan capaian serantau yang ketara, kami melihat peluang yang lebih besar dalam kewangan merentas sempadan, termasuk perbankan Islam. Selain itu, asas modal kami yang kukuh membolehkan kami membiayai projek infrastruktur yang besar dan kami melihat ini sebagai pasaran pertumbuhan baharu untuk perniagaan perbankan Borong Global," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

BDSN ialah pengeluar tenaga bebas yang membangun, memiliki dan mengurus Loji Tenaga Elektrik Hidro Asahan 1 30 tahun (PPA) dengan PT Perusahaan Listrik Negara (Persero).

Loji elektrik hidro Asahan 1 berjaya mencapai tarikh operasi komersil pada 18 Jan, 2011 dan bekalan elektrik yang dijana digunakan antara lain untuk industri berorientasikan eksport di Sumatera Utara, sekaligus menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi di wilayah itu.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642865>